



Nor Azita (tengah) menyampaikan juadah raya kepada Amir Zuhaili di UMP kampus Pekan pada Jumaat.

PEKAN - Sebanyak 400 bungkusan kuih raya diagihkan kepada penuntut **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** kampus Pekan yang tidak dapat pulang ke kampung menyambut Aidilfitri.

Selain kuih raya, Pejabat Ahli Parlimen Pekan turut memberi ketupat segera bersama kuah kacang dan minuman susu segar.

Pegawai Khas Ahli Parlimen Pekan, Datuk Nor-Azita Abdul Rahman berkata, juadah berkenaan sebagai mengubat kerinduan 400 penuntut di situ yang tidak berpeluang menyambut Aidilfitri bersama keluarga masing-masing.

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

“Saya difahamkan rata-rata mereka kali pertama beraya di asrama bersama rakan-rakan. Kita bersimpati dan membuat keputusan menyediakan juadah raya mendapat persetujuan Ahli Parlimen Pekan, Datuk Seri Najib Razak,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyerahkan sumbangan berkenaan kepada Timbalan Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Kampus Pekan, Amir Zuhaili Abdul Karim di sini pada Jumaat.

Sementara itu, Amir Zuhaili mengucapkan terima kasih kepada Ahli Parlimen Pekan yang menvedidi-